

17/08/2002

Bunyamin harus akhiri persembunyian demi kebenaran

SAMA ada ia sekadar gurauan semata-mata atau sindiran tajam yang ditujukan kepada pihak tertentu, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Mohamad Sabu dikatakan tidak perlu kerap menghadiri sesi bertemu media kerana masing-masing sudah popular gara-gara saban hari muncul di televisyen. Tidak sukar mengagak kata-kata itu yang dituturkan seorang pemimpin Pas beberapa hari lalu sebagai merujuk kepada klip video sedutan ceramah kedua-duanya menerusi RTM yang menimbulkan kontroversi. Kalau populariti sedemikian yang menjadi ukuran, seorang lagi pemimpin Pas, Bunyamin Yaacob, harus mengatasi mereka. Dakwaannya kononnya Datuk Seri Mahathir Mohamad menonton video lucu bersama cucunya, yang turut tersiar dalam salah satu klip video RTM, menarik perhatian ramai terhadap kesudahannya.

Semua orang tahu dakwaan Bunyamin - yang dibuat dengan penuh emosi dalam satu ceramah Pas di Pengkalan Chepa, Kelantan pada 15 Mac lalu - didasarkan kepada satu komen Perdana Menteri pada majlis Dialog Belanjawan 2002 di Putrajaya, 14 Julai tahun lalu. Berikutan kes jenayah di luar batas kemanusiaan, termasuk bapa menyembelih anak, anak membunuh bapa dan kes bunuh selepas merogol kanak-kanak dan pelajar sekolah, semakin membimbangkan, Dr Mahathir, dalam menyatakan rasa sedih dan sebak mengenai kes seperti itu, antara lain menyatakan pengedaran bahan lucu sekarang berleluasa hingga kanak-kanak peringkat tadika pun mendapatnya. "Yang ini saya dapat tahu daripada cucu saya sendiri, dia cerita mengenai apa yang dia tengok. Saya agak terkejut macam mana dalam tadika pun, mereka sudah dapat ini," demikian Perdana Menteri dipetik sebagai berkata.

Tetapi Bunyamin seolah-olah mengetahui lebih daripada itu. Jika tidak, masakan bekas Ahli Parlimen Bachok itu yang berceramah atas simbol parti yang mendakwa memperjuangkan Islam boleh menafsirkannya berbeza dengan huraian panjang lebar di khalayak ramai. Berikutan penyiaran klip video berkenaan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang menyifatkan kandungan ucapan itu biadap dan keterlaluan, mengarahkan polis mengambil tindakan. Tiga laporan polis terhadap Bunyamin turut dibuat secara berasingan di Kelantan, Kedah dan Terengganu dan tiada sesiapa harus menyalahkan polis menubuhkan pasukan penyiasat kerana penyokong Pas sendiri tidak boleh dihalang daripada mendapat kebenaran mengenai perkara itu.

Persoalannya, mengapa Bunyamin menghilangkan diri? Orang ramai - pemimpin dan penyokong Pas tidak terkecuali - seharusnya boleh membuat kesimpulan sendiri. Lebih cepat Bunyamin tampil memberi keterangan kepada polis, lebih cepatlah siasatan dapat dimuktamadkan. Pada Bunyamin juga, andaian akan dibuat sama ada pemimpin Pas sepertinya bercakap berlandaskan fakta dan bukti atau sekadar melemparkan fitnah dan cacian yang semakin sinonim dengan mereka. Mustahil Bunyamin, walau di mana beliau berada, tidak mengetahui dipanggil polis untuk memberi keterangan. Daripada menunggu sehingga waran tangkap dikeluarkan ke atasnya, adalah lebih baik bagi Bunyamin yang selama ini mungkin berangan-angan untuk menjadi 'wira', tampil secara sukarela.

Siasatan polis seperti ini sewajarnya turut menjadi ingatan kepada Pas. Dalam pada parti itu menagih kebebasan bersuara, ia tidak bermakna sesiapa saja bebas untuk menyebarkan fitnah dan pembohongan, apatah lagi untuk meniupkan kebencian. Dalam mengingini majlis ceramah mereka dihadiri ramai serta dipenuhi gelak ketawa, undang-undang tetap boleh membezakan di antara cerita penglipur lara, lawak jenaka dan kandungan ucapan yang

berbau hasutan. Ringkasnya, sesiapa saja boleh menyatakan apa yang sedap didengar tetapi pada masa sama hendaklah bertanggungjawab ke atasnya - bukan dengan bersembunyi atau melarikan diri apabila cuba dipertanggungjawabkan. Juga bukan menyalahkan orang ramai yang kononnya tidak faham apa yang sebenarnya dimaksudkan atau menuding jari kepada orang lain pula dengan bersikap `baling batu sembunyi tangan'. Lambat-laun kebenaran dan kebatilan akan terserlah juga.